



25 Mac 2022
25 March 2022
P.U. (B) 183

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 70

NOTICE UNDER SECTION 70

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 70

Menteri Kanan Kerja Raya bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], yang kesannya akan melarang pemanduan kenderaan di bawah kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, berkuat kuasa mulai 8 April 2022.

Pengecualian daripada larangan itu hendaklah diberikan bagi maksud dan dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Bantahan terhadap cadangan itu, jika ada, mestilah dihantar secara bertulis kepada Pengarah Bahagian Undang-Undang, Lembaga Lebuh Raya Malaysia, Wisma Lebuh Raya, KM-6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan atau melalui e-mel ke aduan@llm.gov.my, pada atau sebelum 1 April 2022.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	(2) <i>Kelas Kenderaan</i>
Bahagian jalan yang dikenali sebagai Tanjakan Jalan Cheras (Timur) yang merupakan sebahagian daripada Lebuh Raya Sungai Besi bermula dari koordinat U 345478.104, T 414512.830 dan berakhir	Kelas 2: Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan enam roda (tidak termasuk bas)

di Jalan Cheras di koordinat
U 345585.449, T 414667.268

Kelas 3: Kenderaan yang mempunyai
tiga gandar atau lebih
(tidak termasuk bas)

Kelas 5: Bas

JADUAL KEDUA

